

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED GAJI/JAWATAN	:	F1-1, F1-2, F1-4, F1-5, F1-6
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F1-1: T1); atau

(b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F1-1: T1); atau

(c) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F1-1: T3); atau

(d) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F1-1: T5).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT GRED F1-2,
F1-4, F1-5, F1-6 ATAU
JAWATAN DALAM
KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-2, F1-4, F1-5, F1-6 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2 di atas; dan
 - (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

5. Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F1-2**

6. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-2 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F1-4**

7. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-4 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F1-5**

8. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-4 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-5 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F1-6**

9. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-6 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

10. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-6 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	F2-1, F2-2, F2-5
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F2-1: T1); atau

(b) Diploma dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F2-1: T1).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-1, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 di atas; atau

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

4. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F2-2**

5. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-2 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F2-5**

6. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-5 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

7. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F1-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED GAJI/JAWATAN	:	FT4-1, FT4-3, FT4-5
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia serta lulus subjek elektrik atau elektronik atau teknologi maklumat pada peringkat peperiksaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT4-1: T1); atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang sistem komputer atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT4-1: T2); atau

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang sistem komputer atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT4-1: T3); atau

- (d) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT4-1: T4); atau

- (e) Sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT4-1: T4).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

3. Juruteknik Komputer hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT4-3**

4. Juruteknik Komputer Gred FT4-1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT4-3 yang kosong apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED FT4-5**

5. Juruteknik Komputer Gred FT4-3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT4-5 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**

6. Juruteknik Komputer yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F2-1 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.